



ISSN 0127-9491



9 770127 949001

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

INDEKS HARGA PENGGUNA *CONSUMER PRICE INDEX*

NOVEMBER
NOVEMBER
2022

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

INDEKS HARGA PENGGUNA **CONSUMER PRICE INDEX** (2010 = 100)

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Penerbitan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStats_2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Connecting the World with Data We Can Trust".

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 until 31st December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Economic and social statistics publication namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStats_2022.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

Diterbitkan dan dicetak oleh/ *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / Twitter / Instagram/ YouTube	:	StatsMalaysia
Emel/ <i>Email</i>	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/ <i>general enquires</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/ <i>data request & enquiries</i>)

Harga/ *Price* : RM10.00

Diterbitkan pada Disember 2022/ *Published on December 2022*

Hakcipta terpelihara/ *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia”.

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.

Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following.

“Source : Department of Statistics, Malaysia.”

ISSN 0127 - 9491



KATA PENGANTAR

Penerbitan Indeks Harga Pengguna (IHP), Malaysia merupakan penerbitan bulanan yang memaparkan statistik meliputi 12 kumpulan utama barangan dan perkhidmatan. Ini selaras dengan klasifikasi yang berpandukan kepada United Nations "*Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)*". IHP disusun berdasarkan pungutan harga pengguna yang dilaksanakan setiap bulan bagi kesemua item dan bagi barangan makanan mudah rosak dipungut setiap minggu. Bagi sewa rumah, harga dipungut secara suku tahunan.

IHP telah disusun buat kali pertama dengan menggunakan tahun 1967 sebagai tahun asas (1967 =100). Selepas itu, ia telah diasaskan semula kepada tahun 1980, 1990, 1994, 2000, 2005, 2010 dan kini masih 2010 sebagai "tempoh rujukan indeks" dengan 2016 sebagai "tempoh rujukan wajar" yang dinyatakan pada harga Disember 2017. Objektif utama IHP adalah untuk mengukur perubahan kos pembelian oleh isi rumah mengikut masa bagi 'bakul' tetap barangan dan perkhidmatan.

Ringkasan penemuan dan graf indeks dipaparkan pada bahagian pertama, manakala jadual-jadual terperinci indeks dimuatkan pada bahagian kedua penerbitan ini. Sementara itu, nota teknikal berkaitan dengan skop dan liputan, konsep dan definisi serta kaedah pengiraan yang digunakan turut dimuatkan di bahagian terakhir dalam penerbitan ini bagi membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan daripada penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Disember 2022





PREFACE

The publication of Consumer Price Index (CPI), Malaysia is a monthly publication which presents statistics covering 12 main groups of goods and services. This is consistent with the classification according to the United Nations "Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)". CPI is compiled based on the prices that are collected on a monthly basis for all items and for the perishable food items where the collection is done on weekly basis. Rents are collected once in a quarter.

The CPI was compiled for the first time using 1967 as the base year (1967=100). Subsequently, it has been rebased to 1980, 1990, 1994, 2000, 2005, 2010 and now still 2010 as the "index reference period" with 2016 as "weight reference period" which expressed in December 2017. The main objective of CPI is to measure the rate of change in the cost of purchasing a constant 'basket' of goods and services by households in a specified time period.

The summary findings and graphs are highlighted in the first part, while tables on detailed indices in the second part of this publication. Meanwhile, the technical notes related to the scope and coverage, concepts and definitions and calculation methods used are also included in the last part of this publication to assist users to understand the published statistics.

The Department expressed gratitude to those who have contributed directly and indirectly in realising this publication. Every feedback and suggestions towards improving future publication is highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia
December 2022



Kata Pengantar		i
<i>Preface</i>		ii
Ringkasan Penemuan		5
<i>Summary Findings</i>		
MALAYSIA		
Jadual A	: Perubahan Peratus Indeks Harga Pengguna Keseluruhannya untuk Malaysia mengikut Kumpulan Utama	43
<i>Table A</i>	<i>: Percentage Changes in the Overall Consumer Price Index for Malaysia by Main Group</i>	
Carta 1	: Indeks Harga Pengguna (2010=100) bagi Jumlah dan Kumpulan Utama Terpilih, Malaysia	44
<i>Chart 1</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100) for Total and Selected Main Group, Malaysia</i>	
Carta 2	: Perubahan Peratus Tahun ke Tahun Indeks Harga Pengguna bagi Jumlah dan Kumpulan Utama Terpilih, Malaysia	44
<i>Chart 2</i>	<i>: Percentage Change Year-on-Year Consumer Price Index for Total and Selected Main Group, Malaysia</i>	
Carta 3	: Perubahan Peratus Tahun ke Tahun Indeks Harga Pengguna bagi Subkumpulan Terpilih dalam Kumpulan Makanan, Malaysia	44
<i>Chart 3</i>	<i>: Percentage Change Year-on-Year Consumer Price Index for Selected Subgroup in the Food Group, Malaysia</i>	
Carta 4	: Perubahan Peratus 12 bulan (Tahun ke Tahun) Mengikut Negeri, Malaysia	45
<i>Chart 4</i>	<i>: The 12 Months Percentage Change (Year-on-Year) by States, Malaysia</i>	
Carta 5	: Perbandingan Perubahan Peratus Tahun ke Tahun Kumpulan Utama Terpilih Indeks IHP Keseluruhan dan Indeks Teras	45
<i>Chart 5</i>	<i>: The Comparison of Year-on-Year Percentage Change by Selected Main Group of Overall Consumer Price Index and the Core Index</i>	
Jadual 1	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan Perubahan Peratus, Malaysia	46
<i>Table 1</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and Percentage Change, Malaysia</i>	
Jadual 2	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol dan Perubahan Peratus, Malaysia	46
<i>Table 2</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages and Percentage Change, Malaysia</i>	
Jadual 3	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan Perubahan Peratus, Malaysia	47
<i>Table 3</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and Percentage Change, Malaysia</i>	
Jadual 4	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol dan Perubahan Peratus, Malaysia	47
<i>Table 4</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Non-Alcoholic Beverages and Percentage Change, Malaysia</i>	

Jadual 5A	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan IHP Tanpa Bahan Api, Malaysia	48
<i>Table 5A</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and CPI without Fuel, Malaysia</i>	
Jadual 5B	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan IHP Tanpa Bahan Api, Malaysia - Perubahan Peratus Tahun ke Tahun	49
<i>Table 5B</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and CPI without Fuel, Malaysia - Percentage Change Year-on-Year</i>	
Jadual 5C	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan IHP Tanpa Bahan Api, Malaysia - Perubahan Peratus Bulan ke Bulan	50
<i>Table 5C</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and CPI without Fuel, Malaysia - Percentage Change Month-on-Month</i>	
Jadual 5D	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama, Malaysia-Indeks Asal & Pelarasan Musim	51
<i>Table 5D</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Malaysia-Original & Seasonally Adjusted index</i>	
Jadual 6	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol, Malaysia	52
<i>Table 6</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages, Malaysia</i>	
Jadual 7	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Barang Tahan Lama, Semi Tahan Lama, Tidak Tahan Lama dan Perkhidmatan, Malaysia	52
<i>Table 7</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Durable, Semi-Durable, Non-Durable Goods and Services, Malaysia</i>	
Jadual 8	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan Perubahan Peratus Kawasan Bandar, Malaysia	54
<i>Table 8</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and Percentage Change Urban, Malaysia</i>	
Jadual 9	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol dan Perubahan Peratus Kawasan Bandar, Malaysia	54
<i>Table 9</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers For Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages and Percentage Change for Urban, Malaysia</i>	
Jadual 10	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Kawasan Bandar, Malaysia	55
<i>Table 10</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group Urban, Malaysia</i>	
Jadual 11	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol Kawasan Bandar, Malaysia	56
<i>Table 11</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages Urban, Malaysia</i>	
Jadual 12	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan Perubahan Peratus Kawasan Luar Bandar, Malaysia	57
<i>Table 12</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and Percentage Change Rural, Malaysia</i>	

Jadual 13	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol Dan Perubahan Peratus Kawasan Luar Bandar, Malaysia	57
<i>Table 13</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages and Percentage Change Rural, Malaysia</i>	
Jadual 14	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Kawasan Luar Bandar, Malaysia	58
<i>Table 14</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group Rural, Malaysia</i>	
Jadual 15	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol Kawasan Luar Bandar, Malaysia	59
<i>Table 15</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages Rural, Malaysia</i>	
Jadual 16	: Indeks Harga Pengguna (2010 = 100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia	60
<i>Table 16</i>	<i>: Consumer Price Index (2010 = 100), Index Numbers for Main Group Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	
Jadual 17	: Indeks Harga Pengguna (2010 = 100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia	60
<i>Table 17</i>	<i>: Consumer Price Index (2010 = 100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	
Jadual 18	: Indeks Harga Pengguna (2010 = 100), Nombor Kumpulan Utama Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia	61
<i>Table 18</i>	<i>: Consumer Price Index (2010 = 100), Index Numbers for Main Group Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	
Jadual 19	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia	62
<i>Table 19</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	
Jadual 20	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Subkumpulan Utama dan Kelas Perbelanjaan dan Perubahan Peratus, Malaysia	63
<i>Table 20</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Subgroup and Expenditure Class and Percentage Change, Malaysia</i>	

INDEKS NEGERI
STATES INDICES

Jadual 1	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama mengikut Negeri - Perubahan Peratus Bulan ke Bulan	71
<i>Table 1</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Main Group by State - Percentage Change Month-on-Month</i>	
Jadual 2	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama mengikut Negeri - Perubahan Peratus Tahun ke Tahun	71
<i>Table 2</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Main Group by State - Percentage Change Year-on-Year</i>	
Jadual 3	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Mengikut Negeri	72
<i>Table 3</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by State</i>	

INDEKS TERAS
CORE INDEX

Jadual 1	: Indeks Teras (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama, Malaysia	81
<i>Table 1</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Malaysia</i>	
Jadual 2	: Indeks Teras (2010=100), Perubahan Peratus Tahunan Kumpulan Utama, Malaysia	82
<i>Table 2</i>	<i>: Core Index (2010=100), Yearly Percentage Change for Main Group, Malaysia</i>	

INDEKS SUKU TAHUNAN
QUARTERLY INDICES

Jadual 1	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama mengikut Suku Tahunan, Malaysia	85
<i>Table 1</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by Quarter, Malaysia</i>	
Jadual 2	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama mengikut Suku Tahunan, Malaysia - Perubahan Peratus Tahun ke Tahun	86
<i>Table 2</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by Quarter, Malaysia - Percentage Change Year-on-Year</i>	
Jadual 3	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama mengikut Suku Tahunan, Malaysia - Perubahan Peratus Suku Tahun ke Suku Tahun	87
<i>Table 3</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by Quarter, Malaysia - Percentage Change Quarter-on-Quarter</i>	
Jadual 4	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol mengikut Suku Tahunan, Malaysia	88
<i>Table 4</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages by Quarter, Malaysia</i>	

Jadual 5	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol mengikut Suku Tahunan, Malaysia	89
	- Perubahan Peratus Tahun ke Tahun	
<i>Table 5</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages by Quarter, Malaysia</i>	
	<i>- Percentage Change Year-on-Year</i>	
Jadual 6	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol mengikut Suku Tahunan, Malaysia	90
	- Perubahan Peratus Suku Tahun ke Suku Tahun	
<i>Table 6</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages by Quarter, Malaysia</i>	
	<i>- Percentage Change Quarter-on-Quarter</i>	
Jadual 7	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama, Subkumpulan Utama dan Kelas Perbelanjaan mengikut Suku Tahunan, Malaysia	91
<i>Table 7</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Subgroup and Expenditure Class by Quarter, Malaysia</i>	
Jadual 8	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama, Subkumpulan Utama dan Kelas Perbelanjaan, Malaysia	95
	- Perubahan Peratus Tahun ke Tahun	
<i>Table 8</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Subgroup and Expenditure Class, Malaysia</i>	
	<i>- Percentage Change Year-on-Year</i>	
Jadual 9	: Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama, Subkumpulan Utama dan Kelas Perbelanjaan, Malaysia	100
	- Perubahan Peratus Suku Tahun ke Suku Tahun	
<i>Table 9</i>	<i>: Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Subgroup and Expenditure Class, Malaysia</i>	
	<i>- Percentage Change Year-on-Year</i>	
Jadual 10	: Indeks Teras (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Mengikut Suku Tahunan, Malaysia	105
<i>Table 10</i>	<i>: Core Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by Quarterly, Malaysia</i>	
Jadual 11	: Indeks Teras (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Mengikut Suku Tahunan, Malaysia	106
	- Perubahan Peratus Tahun ke Tahun	
<i>Table 11</i>	<i>: Core Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by Quarterly, Malaysia</i>	
	<i>- Percentage Change Year-on-Year</i>	
Jadual 12	: Indeks Teras (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Mengikut Suku Tahunan, Malaysia	107
	- Perubahan Peratus Suku Tahun ke Suku Tahun	
<i>Table 12</i>	<i>: Core Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by Quarterly, Malaysia</i>	
	<i>- Percentage Change Quarter-on-Quarter</i>	
NOTA TEKNIKAL		111
TECHNICAL NOTES		
LAMPIRAN		121
ANNEX		





INDEKS HARGA PENGGUNA NOVEMBER 2022

Inflasi Malaysia kekal pada 4.0 peratus pada November 2022

INFLASI MENGIKUT KUMPULAN UTAMA

 Makanan & Minuman
Bukan Alkohol

7.3% 7.1%

 Minuman Alkohol
& Tembakau

0.8% 0.8%

 Pakaian &
Kasut

0.4% 0.4%

 Perumahan, Air,
Elektrik, Gas &
Bahan Api Lain

1.4% 1.5%

 Hiasan, Perkakasan
& Penyelenggaraan
Isi Rumah

3.8% 4.1%

 Kesihatan

1.4% 1.0%

 Pengangkutan

5.0% 5.2%

 Komunikasi

0.0% 0.0%

 Perkhidmatan
Rekreasi & Kebudayaan

3.6% 3.4%

 Pendidikan

1.5% 1.4%

 Restoran &
Hotel

7.0% 6.8%

 Pelbagai Barangan
& Perkhidmatan

2.6% 2.4%

INFLASI BANDAR & LUAR BANDAR

 BANDAR

4.3% 4.2%

 LUAR
BANDAR

3.1% 3.0%

INFLASI SUBKUMPULAN MAKANAN & MINUMAN

 Makanan di
Rumah

5.8%

5.8%

 Beras, Roti &
Bijirin Lain

7.5%

7.3%

 Daging

8.2%

7.3%

 Ikan &
Makanan
Laut

3.5%

3.4%

 Susu, Keju
& Telur

8.9%

8.8%

 Makanan di
Luar Rumah

9.6%

9.3%

 Minyak &
Lemak

1.6%

2.6%

 Buah-
buahan

4.1%

5.5%

 Sayur-
Sayuran

3.6%

4.8%

 Gula, Jem,
Madu, Coklat
& Manisan

3.6%


3.5%




CONSUMER PRICE INDEX NOVEMBER 2022

Malaysia's inflation remained at 4.0 per cent in November 2022


INFLATION BY MAIN GROUP



INFLATION FOR URBAN & RURAL



INFLATION FOR SUBGROUP FOOD & BEVERAGES



Inflasi Malaysia pada November 2022 meningkat 4.0 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya

Inflasi Malaysia pada November 2022 meningkat pada kadar 4.0 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (Carta 1). Inflasi kumpulan Makanan yang meningkat 7.3 peratus kekal menjadi penyumbang utama kepada kenaikan inflasi bulan ini. Selain itu, Restoran & Hotel terus menunjukkan peningkatan kepada 7.0 peratus berbanding Oktober 2022 (6.8%). Namun begitu, peningkatan yang lebih rendah berbanding Oktober 2022 bagi kumpulan Pengangkutan (5.0%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.8%) sedikit sebanyak telah meredakan inflasi negara.


Selain itu kenaikan inflasi di Malaysia turut didorong oleh kenaikan kumpulan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (3.6%), Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.6%) dan Pendidikan (1.5%). Sementara itu, Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain dan Kesihatan masing-masing merekodkan kenaikan sebanyak 1.4 peratus, manakala Minuman Alkohol & Tembakau dan Pakaian & Kasut masing-masing meningkat sebanyak 0.8 peratus dan 0.4 peratus berbanding November 2021 (**Carta 3**).

Inflasi bagi tempoh Januari hingga November 2022 meningkat 3.4 peratus berbanding 2.3 peratus bagi tempoh yang sama tahun 2021. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (5.6%), Pengangkutan (4.7%) dan Restoran & Hotel (4.7%).

Inflasi keseluruhan secara bulanan pada November 2022 meningkat 0.3 peratus berbanding 0.2 peratus pada Oktober 2022. Ini disumbangkan terutamanya oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (0.7%) dan Restoran & Hotel (0.5%). Sementara itu, Kesihatan dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan masing-masing meningkat 0.3 peratus.


Carta 1

Inflasi Keseluruhan Malaysia, November 2021 – November 2022



Carta 2

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 – November 2022



Carta 3

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Oktober & November 2022

Kumpulan Utama	Wajaran	Perubahan peratus (%)
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	Nov 2022: 7.3 Okt 2022: 7.1
Minuman Alkohol & Tembakau	2.4	Nov 2022: 0.8 Okt 2022: 0.8
Pakaian & Kasut	3.2	Nov 2022: 0.4 Okt 2022: 0.4
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	23.8	Nov 2022: 1.4 Okt 2022: 1.5
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	4.1	Nov 2022: 3.8 Okt 2022: 4.1
Kesihatan	1.9	Nov 2022: 1.4 Okt 2022: 1.0
Pengangkutan	14.6	Nov 2022: 5.0 Okt 2022: 5.2
Komunikasi	4.8	Nov 2022: 0.0 Okt 2022: 0.0
Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan	4.8	Nov 2022: 3.6 Okt 2022: 3.4
Pendidikan	1.3	Nov 2022: 1.5 Okt 2022: 1.4
Restoran & Hotel	2.9	Nov 2022: 7.0 Okt 2022: 6.8
Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	6.7	Nov 2022: 2.6 Okt 2022: 2.4

Inflasi Teras

Inflasi teras mengukur perubahan dalam harga barang dan perkhidmatan, tidak termasuk makanan segar yang harganya tidak menentu serta harga barangan kawalan oleh kerajaan. Inflasi teras telah mencatatkan peningkatan 4.2 peratus pada November 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 4**).


Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol iaitu 8.2 peratus. Selain itu, kumpulan Pengangkutan turut mencatatkan kenaikan 7.9 peratus, diikuti oleh Restoran & Hotel (7.0%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (3.8%) dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (3.6%).

Inflasi Tanpa Bahan Api

Inflasi tanpa bahan api meningkat 4.2 peratus pada November 2022 kepada 119.4 berbanding 114.6 pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 4**). Inflasi tanpa bahan api meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali Petrol tanpa plumbum RON95, Petrol tanpa plumbum RON97 dan Diesel.

Carta 4

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, November 2021 – November 2022




Prestasi keseluruhan tahun ke tahun


Pada November 2022, daripada 552 item, 441 item (79.9%) merekodkan kenaikan harga di mana 60 item menunjukkan peningkatan melebihi 10 peratus berbanding 64 item pada Oktober 2022. Sementara itu, 68 item menunjukkan penurunan dan 43 item kekal tidak berubah. Pada tahap tertentu, item yang harganya dikawal oleh kerajaan telah meredakan kadar inflasi pada November 2022. Antara item kawalan kerajaan yang kekal tidak berubah berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya ialah Kadar tol, *Liquified Petroleum Gas (LPG)*, Petrol tanpa plumbum RON95 dan Diesel.

Antara barangan yang menunjukkan penurunan harga adalah Brokoli (-11.0%), Halia (-9.4%) dan Timun (-9.3%) manakala Tambang komuter dan Yuran Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kekal tidak berubah (**Carta 5**).

Carta 5 Inflasi mengikut Kuadran, Oktober & November 2022




Carta 6 Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkatkan ≤10%, Oktober & November 2022



Carta 6 menunjukkan taburan inflasi Makanan dan Bukan Makanan bagi November 2022 berbanding November 2021 dalam julat peningkatan 10 peratus dan ke bawah. Daripada 381 item yang mengalami peningkatan 10 peratus dan ke bawah, sebanyak 154 item adalah Makanan. Antaranya adalah Sos cili (8.5%), Babi panggang (8.3%), Cili burung (7.8%) dan Asam jawa (6.0%). Sementara itu, 227 item adalah Bukan Makanan antaranya adalah Pembayang mata (9.2%), Set meja makan (8.6%), Minyak enjin motosikal (6.6%) dan Perkhidmatan menjahit pakaian wanita (5.2%).

Inflasi kumpulan utama terus meningkat

Makanan & Minuman Bukan Alkohol



Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP). Peningkatan kumpulan ini adalah didorong oleh peningkatan komponen Makanan di luar rumah dan Makanan di rumah yang mana masing-masing meningkat sebanyak 9.6 peratus dan 5.8 peratus berbanding November 2021 (**Carta 7**). Kenaikan Makanan di luar rumah seiring dengan kenaikan bahan makanan seperti mi, tepung gandum, ayam dan roti. Kesemua item Makanan di luar rumah terus merekodkan peningkatan, antara item yang mencatatkan peningkatan dua digit adalah Pizza (17.3%), Roti canai (15.9%), Nasi campur (12.0%), Masakan berasaskan sayur (11.8%), Masakan berasaskan daging (10.8%) dan Makanan berasaskan mi (10.4%).

Kesemua subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol mencatatkan peningkatan antara 1.6 peratus hingga 8.9 peratus. Subkumpulan Susu, keju & telur mencatatkan peningkatan tertinggi antara subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol sebanyak 8.9 peratus pada November 2022. Ini diikuti oleh Daging (8.2%) dan Beras, roti & bijiran lain (7.5%). Buah-buahan

dan Sayur-sayuran masing-masing meningkat 4.1 peratus dan 3.6 peratus. Manakala subkumpulan Minyak & lemak menyederhana kepada 1.6 peratus (**Jadual 1**).

Jadual 1 Inflasi bagi Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol				
Kumpulan Utama	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Okt 2022	Nov 2022	Nov 2022 / Okt 2022	Nov 2022 / Nov 2021
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	147.7	148.8	0.7	7.3
Makanan	149.1	150.3	0.8	7.4
Makanan di Rumah	143.3	144.2	0.6	5.8
Beras, roti & bijirin lain	120.6	121.1	0.4	7.5
Daging	144.9	147.6	1.9	8.2
Ikan & makanan laut	164.9	165.3	0.2	3.5
Susu, keju & telur	140.3	140.5	0.1	8.9
Minyak & lemak	127.5	126.9	-0.5	1.6
Buah-buahan	142.8	142.3	-0.4	4.1
Sayur-sayuran	147.6	150.0	1.6	3.6
Gula, jem, madu, coklat & manisan	139.5	139.9	0.3	3.6
Keluaran makanan t.t.t.l.	151.0	152.0	0.7	8.7
Makanan di luar rumah	158.2	159.7	0.9	9.6
Kopi, teh, koko & minuman bukan alkohol	117.8	118.3	0.4	4.4

Peningkatan ketara subkumpulan Susu, keju & telur adalah disumbangkan terutamanya oleh peningkatan berterusan susu sejat dan susu pekat manis 17.7 peratus (Oktober 2022: 16.9%). Sementara itu, telur ayam turut meningkat 10.5 peratus berbanding Oktober 2022 (8.9%). Telur masin meningkat lebih perlahan kepada 17.9 peratus berbanding Oktober 2022 (19.0%). Kenaikan kadar subsidi telur ayam di peringkat ladang daripada lapan sen sebiji kepada 10 sen sebiji bagi telur gred A, B dan C dijangka dapat memberi manfaat kepada pengeluar dalam memastikan bekalan telur di pasaran lebih stabil.

Sementara itu, ayam yang merupakan komponen terbesar dalam subkumpulan Daging (46.1%) telah menunjukkan peningkatan sebanyak 6.4 peratus berbanding 4.8 peratus pada bulan Oktober 2022. Purata harga ayam standard pada bulan November 2022 meningkat kepada RM10.36 sekilogram berbanding RM10.07 pada Oktober 2022 (November 2021: RM9.55), manakala purata harga di Semenanjung Malaysia adalah RM9.83 sekilogram, melebihi paras harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM9.40 (November 2021: RM9.27). Selain itu, daging babi terus mencatatkan peningkatan 28.5 peratus berbanding 26.0 peratus pada bulan sebelumnya.

Selain itu, peningkatan subkumpulan Beras, roti & bijiran sebanyak 7.5 peratus adalah lebih tinggi berbanding Oktober 2022 (7.3%). Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh

peningkatan Tepung gandum (29.2%) dan Mi basah (21.6%). Produk roti dan bakeri yang meningkat sebanyak 9.6 peratus pada November 2022 turut menyumbang kepada kenaikan subkumpulan ini.

Bagi tahun ke tahun, kesemua subkumpulan Makanan menunjukkan peningkatan pada November 2022, dengan pengecualian bagi subkumpulan Sayur-sayuran, Buah-buahan dan Minyak & lemak. Sayur-sayuran meningkat perlahan kepada 3.6 peratus berbanding Oktober 2022 (4.8%). Kekurangan bekalan berikutan faktor cuaca yang tidak menentu dan ketidakseimbangan permintaan dalam pasaran menyumbang kepada peningkatan ketara kepada 1.6 peratus berbanding negatif 1.7 peratus pada bulan sebelumnya.

Antara sayur-sayuran yang menunjukkan kenaikan purata harga tahun ke tahun di kebanyakan negeri pada November 2022 adalah Bayam (18.5%) dengan purata harga RM6.03 sekilogram (November 2021: RM5.01), Kangkung (17.5%) dengan purata harga RM5.72 sekilogram (November 2021: RM4.76), Bendi (10.4%) dengan purata harga RM8.94 sekilogram (November 2021: RM7.89), Kacang buncis (8.6%) dengan purata harga RM11.75 sekilogram (November 2021: RM10.27) dan Kacang panjang (7.8%) dengan purata harga RM7.80 sekilogram (November 2021: RM7.10).

Harga siling baru minyak masak kemasan botol 2 kilogram, 3 kilogram dan 5 kilogram secara bulanan bagi tempoh 8^{hb} November hingga 7 Disember 2022 telah menyederhanakan peningkatan inflasi subkumpulan Minyak & lemak kepada 1.6 peratus (Oktober 2022: 2.6%).

Selain itu, ikan segar turut mengalami kenaikan sebanyak 3.8 peratus (Oktober 2022: 3.4%) Antara ikan yang merekodkan peningkatan purata harga adalah Ikan keli yang meningkat kepada RM10.56 (November 2021: RM9.44), Ikan pelaling RM14.25 (November 2021: RM12.36), Ikan siakap RM20.74 (November 2021: RM17.89) dan Ikan selayang RM12.11 (November 2021: RM11.31).

Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain

Jadual 2

Inflasi bagi Subkumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain

Kumpulan Utama	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Okt 2022	Nov 2022	Nov 2022 / Okt 2022	Nov 2022 / Nov 2021
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	123.7	123.9	0.2	1.4
Sewa sebenar untuk rumah	129.6	129.9	0.2	1.6
Penyelenggaraan & pembaikan rumah kediaman	135.2	135.7	0.4	4.2
Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman	105.4	105.4	0.0	0.5
Elektrik, gas & bahan api	98.0	98.0	0.0	0.0

Inflasi bagi kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat 1.4 peratus pada November 2022 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah disebabkan terutamanya oleh subkumpulan Penyelenggaraan & pembaikan rumah kediaman yang meningkat 4.2 peratus. **(Jadual 2).**

Pengangkutan

Jadual 3

Inflasi bagi Subkumpulan Pengangkutan

Kumpulan Utama	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Okt 2022	Nov 2022	Nov 2022 / Okt 2022	Nov 2022 / Nov 2021
Pengangkutan	120.8	120.8	0.0	5.0
Pembelian kenderaan	96.3	96.7	0.4	2.1
Pengurusan alat pengangkutan persendirian	125.5	125.6	0.1	5.1
Perkhidmatan pengangkutan	122.9	119.3	-2.9	7.2

Inflasi Pengangkutan menunjukkan peningkatan lebih perlahan kepada 5.0 peratus pada November 2022 berbanding Oktober 2022 (5.2%). Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan (7.2%). Selain itu, Pengurusan alat pengangkutan persendirian menyederhana kepada 5.1 peratus berbanding 5.6 peratus pada Oktober 2022 **(Jadual 3).**

Purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 meningkat sebanyak 29.1 peratus (RM3.95 seliter) berbanding RM3.06 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Kenaikan harga minyak ini adalah kesan daripada peningkatan harga minyak mentah Brent (12.8%) kepada \$AS91.07 setong pada November 2022 **(Jadual 4).**

Jadual 4**Purata Harga dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun bagi Bahan Api, November 2021 – November 2022**

Tahun	Bulan	Minyak mentah, Brent		Petrol tanpa plumbum RON97		Petrol tanpa plumbum RON95		Diesel	
		\$AS/ Setong	%	RM/ Liter	%	RM/ Liter	%	RM/ Liter	%
2021	Nov	80.77	86.8	3.06	58.5	2.05	25.8	2.15	22.9
	Dis	74.31	49.0	3.00	47.1	2.05	17.8	2.15	11.4
2022	Jan	85.53	56.8	3.06	41.0	2.05	9.6	2.15	5.4
	Feb	95.76	54.6	3.21	42.0	2.05	4.6	2.15	0.9
	Mac	115.59	77.3	3.73	54.1	2.05	0.0	2.15	0.0
	Apr	105.78	63.3	3.84	50.6	2.05	0.0	2.15	0.0
	Mei	112.37	65.2	4.26	63.8	2.05	0.0	2.15	0.0
	Jun	120.08	64.3	4.77	80.0	2.05	0.0	2.15	0.0
	Jul	108.92	46.4	4.73	73.9	2.05	0.0	2.15	0.0
	Ogos	98.60	40.8	4.40	60.6	2.05	0.0	2.15	0.0
	Sep	90.16	20.9	4.16	52.4	2.05	0.0	2.15	0.0
	Okt	93.13	11.3	3.96	39.4	2.05	0.0	2.15	0.0
	Nov	91.07	12.8	3.95	29.1	2.05	0.0	2.15	0.0

Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah**Jadual 5****Inflasi bagi Subkumpulan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah**

Kumpulan Utama	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Okt 2022	Nov 2022	Nov 2022 / Okt 2022	Nov 2022 / Nov 2021
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	124.2	124.3	0.1	3.8
Perabot, hiasan, permaidani & penutup lantai lain	131.6	131.6	0.0	5.9
Kain untuk hiasan rumah	93.1	93.0	-0.1	1.5
Perkakas isi rumah	112.9	113.1	0.2	4.9
Barang kaca, alat makan & perkakas isi rumah	110.1	110.2	0.1	2.0
Alat pertukangan & peralatan untuk rumah & kebun	112.8	112.9	0.1	1.8
Barangan & perkhidmatan penyelenggaraan isi rumah	128.2	128.5	0.2	2.6

Inflasi bagi Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah meningkat 3.8 peratus pada November 2022 dengan semua subkumpulan menunjukkan peningkatan. Subkumpulan Perabot, hiasan, permaidani & penutup lantai lain (5.9%) merupakan penyumbang utama dalam kenaikan kumpulan ini. Peningkatan subkumpulan ini disumbangkan oleh Katil besi (12.9%), Meja (12.7%) dan Set meja makan (8.6%).

Selain itu, subkumpulan Perkakas isi rumah turut meningkat 4.9 peratus. Ini diikuti oleh Barangan & perkhidmatan penyelenggaraan isi rumah (2.6%); Barang kaca, alat makan & perkakas isi rumah (2.0%); Alat pertukangan & peralatan untuk rumah & kebun (1.8%) dan Kain untuk hiasan rumah (1.5%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (**Jadual 5**).

Restoran & Hotel


Jadual 6 Inflasi bagi Subkumpulan Restoran & Hotel				
Kumpulan Utama	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Okt 2022	Nov 2022	Nov 2022 / Okt 2022	Nov 2022 / Nov 2021
Restoran & Hotel	142.2	142.9	0.5	7.0
Perbelanjaan di restoran & kafe	148.2	148.9	0.5	7.4
Perkhidmatan penginapan	104.9	105.4	0.5	5.3

Inflasi Restoran & Hotel meningkat 7.0 peratus pada bulan November 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan subkumpulan Perbelanjaan di restoran & kafe (7.4%) terutamanya disebabkan oleh kenaikan Kopi/ Nescafe (10.9%), Minuman bermalt (9.8%) dan Teh (8.9%). Tambahan, Perkhidmatan penginapan turut meningkat 5.3 peratus pada November 2022 berbanding November 2021 (**Jadual 6**).

Inflasi mengikut negeri

Pada November 2022, empat negeri yang meningkat melebihi paras nasional 4.0 peratus adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya (7.9%), Selangor (4.8%), Sarawak (4.7%) dan Johor (4.2%). Namun begitu, Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan peningkatan paling rendah sebanyak 2.4 peratus (**Carta 8**).

Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor (9.0%) diikuti oleh Wilayah Persekutuan Putrajaya (8.8%), Sarawak (8.5%), Johor (7.6%) dan Sabah (7.4%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional iaitu 7.3 peratus pada November 2022.




Inflasi bagi Bandar dan Luar Bandar

Pada November 2022, inflasi Bandar meningkat 4.3 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (7.7%). Subkumpulan Susu, keju & telur (9.4%); Daging (8.4%) dan Beras, roti & bijirin lain (8.1%) telah menyumbang kepada peningkatan ini. Bagi perbandingan bulanan, inflasi Bandar menunjukkan peningkatan 0.4 peratus berbanding Oktober 2022.

Inflasi Luar bandar meningkat 3.1 peratus berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh peningkatan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (5.4%). Subkumpulan Daging (7.2%); Susu, keju & telur (6.9%) dan Beras, roti & bijirin lain (5.5%) telah menyumbang kepada peningkatan ini. Bagi perbandingan bulanan, inflasi Luar bandar meningkat 0.3 peratus berbanding Oktober 2022 (**Carta 9**).

Carta 9

Inflasi bagi Kawasan Bandar dan Luar Bandar, Malaysia, November 2020 – November 2022



Jadual 7


Indeks dan Inflasi Kawasan Bandar dan Luar Bandar mengikut Kumpulan Utama, Oktober & November 2022

Kumpulan Utama	Bandar				Luar Bandar			
	Okt 2022		Nov 2022		Okt 2022		Nov 2022	
	Indeks	%	Indeks	%	Indeks	%	Indeks	%
Jumlah	129.4	4.2	129.9	4.3	124.4	3.0	124.8	3.1
Makanan & Minuman bukan Alkohol	150.8	7.6	152.0	7.7	137.0	5.1	137.7	5.4
Minuman Alkohol & Tembakau	168.8	1.0	169.0	1.0	175.0	0.2	175.0	0.1
Pakaian & Kasut	91.6	0.4	91.6	0.4	99.6	0.6	99.6	0.6
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	124.7	1.5	124.9	1.5	118.7	1.5	118.9	1.5
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	126.1	4.3	126.2	4.0	115.5	2.8	115.6	2.6
Kesihatan	127.1	1.1	127.5	1.4	121.8	0.6	122.2	1.0
Pengangkutan	121.8	5.6	121.7	5.3	116.1	2.7	116.4	2.8
Komunikasi	97.3	0.0	97.3	0.0	98.7	0.0	98.7	0.0
Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan	116.5	3.5	116.6	3.6	114.9	2.4	115.9	3.3
Pendidikan	123.6	1.5	123.8	1.5	116.3	0.7	116.3	0.6
Restoran & Hotel	144.5	7.3	145.2	7.6	130.6	4.0	130.9	3.6
Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	119.8	2.6	120.1	2.6	118.5	1.5	118.9	1.7


Inflasi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000

Inflasi bagi kumpulan pendapatan bawah RM3,000 meningkat 3.9 peratus daripada 124.7 pada November 2021 kepada 129.6 pada November 2022 (**Carta 10**). Peningkatan ini disumbangkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol sebanyak 6.9 peratus. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh subkumpulan Susu, keju & telur (9.0%) diikuti oleh Daging (8.7%) dan Beras, roti & bijirin lain (6.7%). Tambahan pula, inflasi Restoran & Hotel turut meningkat 7.8 peratus diikuti Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (4.3%); Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (4.0%); Pengangkutan (2.9%) dan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.4%).

Carta 10 Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, November 2020 – November 2022



Carta 11 Inflasi Makanan Terpilih bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, November 2020 – November 2022



Inflasi mengikut Negara Terpilih

Inflasi Zon Euro telah mereda kepada 10.0 peratus pada November 2022 daripada 10.6 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan perlahan ini didorong oleh inflasi Tenaga mereda kepada 34.9 peratus (Oktober 2022: 41.5%) dan Perkhidmatan pada 4.2 peratus (Oktober 2022: 4.3%).

Kadar inflasi di Amerika Syarikat mereda kepada 7.1 peratus pada November 2022 berbanding Oktober 2022 (7.7%). Harga tenaga meningkat 13.1 peratus, lebih perlahan daripada peningkatan yang direkodkan pada Oktober 2022 (17.6%). Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan perlahan harga petrol sebanyak 10.1 peratus pada November 2022 (Oktober 2022: 17.5%), bahan api kepada 65.7 peratus (Oktober 2022: 68.5%) serta kos elektrik kepada 13.7 peratus (Oktober 2022: 14.1%).

Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih di rantau Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia (4.0%) adalah lebih rendah berbanding inflasi di Republik Korea, Indonesia, Thailand dan Filipina. Inflasi di Republik Korea meningkat dengan kadar yang lebih rendah sebanyak 5.0 peratus pada November 2022 berbanding 5.7 peratus pada Oktober 2022. Ini disebabkan oleh kenaikan perlahan dalam kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol pada 4.8 peratus (Oktober 2022: 7.5%) dan Pengangkutan pada 3.6 peratus (Oktober 2022: 5.4%).

Kadar inflasi Indonesia mereda kepada 5.4 peratus pada November 2022 daripada 5.7 peratus pada Oktober 2022, mengatasi target bank pusat iaitu 2.0 hingga 4.0 peratus. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan perlahan bagi Makanan, minuman & tembakau pada 5.9 peratus berbanding 6.8 peratus pada Oktober 2022.


Inflasi Thailand pada November 2022 meningkat perlahan kepada 5.6 peratus berbanding 6.0 peratus pada bulan sebelumnya, terendah semenjak April 2022. Inflasi makanan mereda kepada 8.4 peratus pada November 2022 (Oktober 2022: 9.6%).

Inflasi Filipina meningkat kepada 8.0 peratus pada November 2022 berbanding 7.7 peratus bulan sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan Pengangkutan (12.3%) dan diikuti oleh Minuman beralkohol (10.6%); Makanan & minuman bukan alkohol (10.0%); Perumahan, air, elektrik, gas, & bahan api lain (6.9%) serta Restoran & perkhidmatan penginapan (6.5%).

Sementara itu, inflasi China meningkat 1.6 peratus pada November 2022, lebih rendah berbanding inflasi Malaysia. Inflasi ini adalah terendah semenjak Mac 2022 berikutan penurunan harga makanan. Inflasi makanan mereda kepada 3.7 peratus berbanding 7.0 peratus pada Oktober 2022 berikutan penurunan harga daging babi. Sementara itu, inflasi bukan makanan kekal sebanyak 1.1 peratus pada November 2022 (Oktober 2022: 1.1%) disumbangkan oleh

Pengangkutan & komunikasi (2.9%); Pendidikan, kebudayaan & rekreasi (1.3%) dan Penjagaan kesihatan (0.5%).

Carta 12 Inflasi bagi Negara Terpilih, November 2020 – November 2022



Purata Harga Item Makanan dan Bukan Makanan

Jadual 8 Bilangan Item yang Mengalami Kenaikan Purata Harga

Kadar Inflasi (%)	Bilangan item			
	Oktober 2022		November 2022	
	Makanan	Makanan	Makanan	Bukan makanan
≤ 10 %	164	207	163	227
> 10 %	153	145	150	131
Jumlah	317	352	313	358

Sejumlah 841 item barangan dan perkhidmatan dikutip setiap bulan untuk pengiraan Indeks Harga Pengguna (IHP). Item-item ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Makanan dan Bukan makanan. **Jadual 8** menunjukkan purata harga Makanan dan Bukan makanan yang mengalami kenaikan pada November 2022 berbanding bulan sebelumnya. Pada November 2022, 313 item Makanan merekodkan kenaikan purata harga. Sebanyak 150 item Makanan yang mencatatkan

peningkatan lebih daripada 10 peratus pada November 2022 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Kebanyakan item Makanan yang mencatatkan peningkatan adalah item yang digunakan dalam penyediaan Makanan di rumah seperti Mi, Itik, Ikan parang, Ketam dan Telur.

Bagi barangan Bukan makanan, 131 item mencatatkan peningkatan purata harga lebih 10 peratus seperti Pintu *plywood*, Ketuhar gelombang mikro, Tiket wayang, dan Caj catering.

Jadual 9 Bilangan Item yang Mengalami Penurunan Purata Harga

Kadar Inflasi (%)	Bilangan item			
	Oktober 2022		November 2022	
	Makanan	Bukan makanan	Makanan	Bukan makanan
≥ -10 %	14	58	15	59
< -10 %	5	21	6	15
Jumlah	19	79	21	74

Jadual 9 menunjukkan purata harga bagi 21 item Makanan yang mencatatkan penurunan pada November 2022 berbanding November 2021. Enam item Makanan menunjukkan penurunan purata harga melebihi daripada 10 peratus iaitu Bawang kecil, Halia tua import dan Brokoli. Terdapat 15 item Makanan yang mencatatkan penurunan purata harga kurang daripada 10 peratus. Antaranya adalah Lemon, Kubis bulat tempatan dan Kacang hijau.

Bagi item Bukan makanan pula, purata harga bagi 15 item menunjukkan penurunan lebih daripada 10 peratus pada November 2022 jika dibandingkan dengan bulan yang sama tahun sebelumnya. Antara barangan tersebut ialah Karpet, Cermin dinding dan Bayaran fisioterapi.

Jadual 10 Bilangan item yang Tiada Perubahan Harga Purata

Kadar Inflasi (%)	Bilangan item	
	Oktober 2022	November 2022
Tiada Perubahan	74	75

Di sebalik perubahan purata harga bagi item-item ini, terdapat juga item yang tidak mengalami sebarang perubahan harga pada November 2022 berbanding November 2021. Selain daripada item yang dikawal oleh kerajaan, item yang tidak mengalami perubahan adalah Caj telefon, Tambang *Light Rapid Transit* (LRT) dan Botol susu bayi (**Jadual 10**).

Jadual 11
Perubahan Peratus bagi Indeks Keseluruhan, Indeks Pelarasan Musim dan Indeks Teras mengikut Kumpulan Utama

Kumpulan Utama	Wajaran	Indeks Keseluruhan				Indeks Pelarasan Musim		Indeks Teras	
		Indeks	Perubahan Peratus			Indeks	Perubahan Peratus Bulan ke Bulan	Wajaran Indeks Teras	Perubahan Peratus Tahun ke Tahun
			Nov 2022	Nov 2022/ Okt 2022	Nov 2022/ Nov 2021	Jan - Nov 2022/ 2021	Nov 2022	Nov 2022/ Okt 2022	Nov 2022/ Nov 2021
Jumlah	100.0	129.0	0.3	4.0	3.4	129.0	0.3	100.0	4.2
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	148.8	0.7	7.3	5.6	149.1	0.8	26.5	8.2
Minuman Alkohol & Tembakau	2.4	170.7	0.1	0.8	0.6	170.7	0.1	-	-
Pakaian & Kasut	3.2	93.4	0.0	0.4	0.1	93.4	0.0	4.5	0.4
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	23.8	123.9	0.2	1.4	1.8	123.8	-0.1	26.5	1.8
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	4.1	124.3	0.1	3.8	3.5	124.3	0.1	5.5	3.8
Kesihatan	1.9	126.4	0.3	1.4	0.7	126.4	0.3	2.6	1.4
Pengangkutan	14.6	120.8	0.0	5.0	4.7	120.8	0.0	6.5	7.9
Komunikasi	4.8	97.5	0.0	0.0	0.0	97.5	0.0	6.5	0.0
Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan	4.8	116.6	0.2	3.6	2.2	116.6	0.2	6.6	3.6
Pendidikan	1.3	122.9	0.2	1.5	1.2	123.0	0.2	1.8	1.5
Restoran & Hotel	2.9	142.9	0.5	7.0	4.7	142.9	0.5	3.9	7.0
Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	6.7	120.0	0.3	2.6	2.0	120.0	0.3	9.1	2.6
Bukan Makanan	70.5	120.7	0.1	2.4	2.4	-	-	-	-



Malaysia's inflation in November 2022 increased 4.0 per cent as compared to the same month of the previous year

Malaysia's inflation in November 2022 increased 4.0 per cent as compared to the same month of the previous year **(Chart 1)**. The inflation for Food group increased 7.3 per cent and remained as the main contributor to the rise in the inflation for this month. Meanwhile, Restaurants & Hotels continued to show an increase to 7.0 per cent as against October 2022 (6.8%). However, the slower increase in inflation as compared to October 2022 for Transport (5.0%) and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (3.8%) to a certain extent has eased the national inflation.

In addition, the increase in Malaysia's inflation was also driven by the increase in Recreation Services & Culture (3.6%), Miscellaneous Goods & Services (2.6%) dan Education (1.5%). Meanwhile, Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels and Health groups recorded an increase by 1.4 per cent respectively, while Alcoholic Beverages & Tobacco and Clothing & Footwear inclined 0.8 per cent and 0.4 per cent respectively as against November 2021 **(Chart 3)**.

The inflation for the period of January to November 2022 increased 3.4 per cent as compared to 2.3 per cent for the same period in 2021. The increase was mainly attributed by Food & Non-Alcoholic Beverages (5.6%), Transport (4.7%) and Restaurants & Hotels (4.7%).

Monthly headline inflation in November 2022 inclined 0.3 per cent as compared to 0.2 per cent in October 2022. This was mainly contributed by the Food & Non-Alcoholic Beverages (0.7%) and Restaurants & Hotels (0.5%). Meanwhile, Health and Miscellaneous Goods & Services groups increased by 0.3 per cent respectively.

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, November 2021 – November 2022




Chart 2

Malaysia Headline Inflation, January 2011 – November 2022



Chart 3

Inflation by Main Group, October & November 2022

Main Group	Weight	Percentage Change (%)
Food & Non-Alcoholic Beverages	29.5	7.3 (Nov 2022), 7.1 (Oct 2022)
Alcoholic Beverages & Tobacco	2.4	0.8 (Nov 2022), 0.8 (Oct 2022)
Clothing & Footwear	3.2	0.4 (Nov 2022), 0.4 (Oct 2022)
Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels	23.8	1.4 (Nov 2022), 1.5 (Oct 2022)
Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance	4.1	3.8 (Nov 2022), 4.1 (Oct 2022)
Health	1.9	1.4 (Nov 2022), 1.0 (Oct 2022)
Transport	14.6	5.0 (Nov 2022), 5.2 (Oct 2022)
Communication	4.8	0.0 (Nov 2022), 0.0 (Oct 2022)
Recreation Services & Culture	4.8	3.6 (Nov 2022), 3.4 (Oct 2022)
Education	1.3	1.5 (Nov 2022), 1.4 (Oct 2022)
Restaurants & Hotels	2.9	7.0 (Nov 2022), 6.8 (Oct 2022)
Miscellaneous Goods & Services	6.7	2.6 (Nov 2022), 2.4 (Oct 2022)

Core Inflation

Core inflation measures changes in the prices of all goods and services, excluding volatile items of fresh food as well as administered prices of goods by the government. Core inflation registered an increase of 4.2 per cent in November 2022 as compared to the same month of the previous year (**Chart 4**).


The highest increase was recorded by Food & Non-Alcoholic Beverages group with 8.2 per cent. In addition, the Transport group also recorded an increase of 7.9 per cent, followed by Restaurants & Hotels (7.0%); Furnishing, Household Equipment & Routine Household Maintenance (3.8%) and Recreation Services & Culture (3.6%).

Inflation without Fuel

Inflation without fuel rose 4.2 per cent in November 2022 to 119.4 as compared to 114.6 in the same month of the preceding year (**Chart 4**). Inflation without fuel covers all goods and services except Unleaded petrol RON95, Unleaded petrol RON97 and Diesel.

Chart 4

Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, November 2021 – November 2022



Overall performance year-on-year

